



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

SIARAN MEDIA AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

PELANTIKAN KETUA PENGARAH BAHARU AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT (APAD)

Kuala Lumpur, 24 Februari 2026 – Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) ingin memaklumkan bahawa Encik Ahmad Radhi bin Maarof, 53 tahun, telah dilantik sebagai Ketua Pengarah APAD yang baharu berkuat kuasa mulai 24 Februari 2026.

Pelantikan ini adalah selaras dengan komitmen berterusan Kerajaan untuk memperkukuh tadbir urus, memastikan kesinambungan kepimpinan organisasi serta meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan pengangkutan awam darat negara.

Encik Ahmad Radhi mempunyai pengalaman lebih 25 tahun dalam bidang perancangan bandar dan pengangkutan, serta transformasi sistem pengangkutan awam darat. Beliau telah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) APAD selama tujuh (7) tahun.

Kerjaya beliau bermula sebagai Perunding Perancang Bandar melibatkan penyediaan kajian Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan Daerah (1999–2012) sebelum menyertai Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) pada tahun 2012. Sepanjang tempoh di SPAD dan seterusnya di APAD, beliau telah terlibat secara langsung dalam penyediaan Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat, pelaksanaan program SBST bas henti-henti di 9 lokasi ibu negeri, serta pemantauan projek keretapi dan teknologi bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam darat.

Selepas penubuhan APAD pada tahun 2019, beliau dilantik sebagai Pengarah Bahagian Perancangan Polisi Mod Jalan sebelum ditukar lantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) mulai 10 Februari 2024. Sepanjang tempoh tersebut, beliau turut melaksanakan fungsi operasi semasa kekosongan jawatan



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), sekali gus memperkukuh pemahaman menyeluruh beliau terhadap aspek perancangan strategik dan juga pelaksanaan operasi pengangkutan awam darat.

Encik Ahmad Radhi juga merupakan calon yang dikenal pasti dalam Pelan Penggantian (Succession Plan) APAD selaras dengan dasar pembangunan bakat perkhidmatan awam. Pelantikan beliau sebagai Ketua Pengarah diyakini dapat memastikan kesinambungan dasar, kestabilan organisasi serta kelangsungan agenda transformasi pengangkutan awam darat negara.

Sepanjang perkhidmatan, beliau merupakan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (2019) serta aktif mewakili Malaysia di pelbagai forum antarabangsa berkaitan mobiliti bandar dan pengangkutan awam di peringkat Asia dan global.

Dengan kepimpinan, pengalaman luas dan kepakaran teknikal yang dimiliki, beliau diyakini mampu menerajui APAD ke arah memperkasakan sistem pengangkutan awam darat yang lebih efisien, bersepadu, mampan dan berfokuskan rakyat, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

APAD juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kepimpinan terdahulu atas segala sumbangan dan khidmat bakti yang telah dicurahkan kepada agensi dan negara.

– TAMAT –

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)

24 Februari 2026



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

Ringkasan Profesional

Pegawai kanan sektor pengangkutan awam darat dengan pengalaman lebih 25 tahun dalam perancangan bandar, pembangunan dasar, transformasi sistem pengangkutan dan pengurusan strategik di peringkat nasional.

Pengalaman Kerjaya

1999 – 2012

Perunding Perancang Bandar (Sektor Swasta)

- Terlibat dalam penyediaan pelan struktur negeri, perancangan bandar dan pengangkutan wilayah.

Februari 2012 – Disember 2018

Pelbagai jawatan kanan di Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD):

- Pengurus, Bahagian Dasar Perancangan dan Penyelidikan (BDPP) – terlibat dalam penyediaan RIPAD pertama.
- Pengurus Kanan, Unit Perancangan Strategik – mengetuai perancangan wilayah selatan (Johor, Melaka, Negeri Sembilan).
- Timbalan Pengurus Besar BDPP – melaksanakan projek perintis SBST di Seremban dan Kangar.
- Ketua Bahagian Mobiliti/NKRA – memantau projek mobiliti dan teknologi bagi meningkatkan perkhidmatan di Kuala Lumpur dan Lembah Klang ke arah sasaran perkongsian mod 40% menjelang 2030.
- Timbalan Pengurus Besar – bertanggungjawab terhadap polisi makro dan perancangan strategik pengangkutan awam Semenanjung Malaysia.

Januari 2019 – Februari 2024

Pengarah, Bahagian Perancangan Polisi Mod Jalan, APAD

- Menerajui perancangan, penggubalan dan pemantauan dasar pengangkutan mod jalan selaras dengan keperluan semasa dan perubahan teknologi.



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

10 Februari 2024 – 23 Februari 2026

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), APAD

- Mengetuai pembangunan dasar dan transformasi sektor pengangkutan awam darat.
- Melaksanakan fungsi operasi semasa kekosongan jawatan TKP (Operasi).

24 Februari 2026 – Kini

Ketua Pengarah

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)

Pencapaian & Penglibatan Profesional

- Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (2019).
- Ahli panel dan penceramah Malaysia Urban Forum 2021 dan City Expo Malaysia 2021.
- Penceramah jemputan High-Level Round Table Discussion on Sustaining Transit Investment (Asia, 2019).
- Wakil Malaysia ke Urban Mobility Innovation Index Forum, LA CoMotion Global (Los Angeles, 2017).
- Penceramah pleno Transport Infrastructure and Integration Conference (Singapura, 2017).